

Cadangan tubuh Majlis Perunding Hal Ehwal Kanak-Kanak

UM 27 AUG 2001

MELAKA 26 Ogos — Kerajaan bercadang **menubuhkan** Majlis Perunding Hal Ehwal Kanak-Kanak Negara yang berperanan **menyelaras** dan memantau perkembangan program kanak-kanak di negara **ini**.

Menteri Perpaduan Negara dan **Pembangunan Masyarakat**, Datuk Dr. **Siti Zaharah Sulaiman** berkata, penyelarasan dan pemantauan itu akan melibatkan semua program kanak-kanak yang dijalankan oleh kerajaan atau **badan** bukan kerajaan di semua peringkat atau antara sektor.

"Majlis **ini** akan bertindak sebagai **badan** pengesan dan membuat pertimbangan **terhadap** polisi-polisi yang **ada** dan seterusnya **memberi** cadangan dan nasihat kepada kerajaan melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat," katanya.

Maklum balas

Beliau berkata demikian kepada **pemberita** selepas menghadiri majlis makan **sempe-**na perhimpunan agung tahunan ke-23 **Maj-**lis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat Kebangsaan Malaysia (MKPMKM) di **sini malam tadi**.

Siti Zaharah berkata, langkah itu adalah untuk memastikan **pelan-pelan** tindakan yang diusahakan oleh kerajaan **terhadap** kanak-kanak mendapat maklum balas **dar** ditinjau keberkesannya.

"**Jika** difikirkan tindakan yang penting itu perlu dijalankan dan diseragamkan di **se-**muanya peringkat dan **lapisan** masyarakat yang **ada** kaitan dengan kanak-kanak, **kita** akan lakukan," ujarnya.

Siti Zaharah berkata, segala dasar, polisi, program dan **apa juga** hasil pelan tindakan yang dibuat di peringkat negara itu kelak akan dijadikan panduan **bagi** semua sektor yang berkaitan dengan kanak-kanak.

Beliau berkata, penubuhan majlis itu adalah selaras dengan gerakan global '**Kem-**pen Katakan Ya Kepada Kanak-Kanak' peringkat kebangsaan yang akan diadakan **pada** 1 September depan.

Gera kan

Menurutnya, pelancaran gerakan itu yang akan disempurnakan oleh **Perdana Menteri**, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di **Sunway Lagoon**, Petaling **Jaya**, dijangka dihadiri oleh lebih 5,000 kanak-kanak dari semua peringkat.

"**Pada** majlis itu, kanak-kanak **ini** akan dapat mendengar amanat **Perdana Menteri** dan mereka **juga** akan menyampaikan **has-**rat diri mereka kepada negara sebagai bakal pemimpin negara **pada** masa akan datang," katanya.

Dalam perkembangan lain, **Siti Zaharah** memberitahu kementerian bercadang **me-**nukar nama Jabatan Kebajikan Masyarakat (**JKM**) kepada Jabatan Pembangunan **Sosi-**al, **selewat-lewatnya pada** tahun hadapan.

Menurutnya, **ini** kerana peranan jabatan itu harus dikemaskinikan dengan **menukar-**kan konsepnya selaras dengan perubahan di peringkat kementerian berkenaan.

"**Kita** dapati **JKM** nampak seperti memakai '**topi lama**', tak selari dengan **hasrat** dan pendekatan baru kementerian yang memegang kepada konsep **pembangun-**an sosial yang lebih menyeluruh dan **beras-**askan kepada kemasyarakatan," **katanya**.